

17 JUN 2003

Parlimen-Mahathir

DR MAHATHIR TAK MAHU ANUGERAH, SEKADAR INGIN RAKYAT HARGAI JASANYA

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak memerlukan sebarang jawatan atau anugerah selepas beliau bersara sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno Oktober ini, kata Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar.

Katanya, Dr Mahathir hanya mahu rakyat negara ini menghargai jasa dan khidmat yang dicurahkan sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri.

"Beliau (Dr Mahathir) kata beliau tidak perlukan sanjungan. Apa yang perlu ialah rakyat menghargai sumbangannya saja," katanya menjawab soalan Datuk Ali Hassan (BN-Tebrau) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Ali ingin tahu sama ada kerajaan akan memberikan ganjaran atau kedudukan tinggi kepada Dr Mahathir agar beliau dapat terus memberikan khidmat nasihat kepada negara selepas beliau berundur nanti.

Noh berkata sumbangan dan jasa Dr Mahathir bukan sahaja dihargai oleh rakyat negara ini malah luar negara.

Beliau juga melahirkan rasa kecewa terhadap parti pembangkang yang sanggup menanam perasaan benci terhadap Dr Mahathir sedangkan jasanya dihargai sehingga di peringkat dunia.

"Apa yang menyedihkan ialah jasa Dr Mahathir dihargai oleh orang bukan Islam dari negara luar tetapi tidak dihargai oleh umat Islam di negara ini yang merupakan parti pembangkang," katanya.

-- BERNAMA

SSA HK MAI